



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Menerima pakai Pekeliling & Arahan Pihak Berkuasa  
MS ISO 9001:2008

Diluluskan/Tidak diluluskan/Ditangguhkan  
untuk pemakaian

Tandatangan Bendahari


Tarikh Pemakaian

1 Jun 2011

Untuk Tindakan

Catatan

**PELEPASAN CUKAI BAGI WANG  
DERMA YANG DITERIMA OLEH  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**



**PEJABAT BENDAHARI**



# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

81310 UTM SKUDAI,  
JOHOR DARUL TA'ZIM,  
MALAYSIA



MS ISO 9001 REG. NO AR 3058

TELEFON : +607-5533333

E-mail : bendaharl@utm.my

TELEFAX : +607-5579887

## PEJABAT BENDAHARI

RUJUKAN KAMI (OUR REF) : UTM.03/11.10/1/ Jld. 5 (75)

3 Mac, 2009

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Bahagian  
Universiti Teknologi Malaysia

*Assalamualaikum wkh. wbt.*

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan,

### PELEPASAN CUKAI SUB SEKSYEN 44(6) BAGI WANG DERMA/SUMBANGAN KEPADA UTM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia telah diberi kelulusan pelepasan cukai di bawah Sub Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 mulai 6 September 1973 bagi derma yang diterima dari pihak luar.

3. Selaras dengan Akta tersebut, wang derma yang layak mendapat pengecualian cukai di bawah Sub Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah seperti berikut :

- 3.1 Amanah untuk kemajuan pendidikan
  - 3.1.1 Derma bagi menjalankan aktiviti pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan.
  - 3.1.2 Derma bagi maksud pembinaan, pembesaran atau pembaikan Universiti.
  - 3.1.3 Pemberian biasiswa untuk kerja-kerja penyelidikan.
- 3.2 Amanah untuk kemajuan keagamaan
  - 3.2.1 Penyelenggaraan dan pembaikan rumah ibadat (masjid).
- 3.3 Amanah yang memberi manfaat kepada masyarakat
  - 3.3.1 Aktiviti untuk kemajuan kebudayaan dan kesenian.
- 3.4 Amanah untuk meringankan kemiskinan

...2/-

4. Sebelum kelulusan pelepasan cukai di bawah Sub Seksyen 44(6) diberikan, syarat-syarat seperti berikut hendaklah dipenuhi.

- 4.1 Semua program/aktiviti anjuran Fakulti/Jabatan/Pelajar, hendaklah mendapat kelulusan pihak berkuasa Universiti.
- 4.2 Semua permohonan penajaan aktiviti daripada pihak luar, hendaklah mendapat kelulusan Naib Canselor.
- 4.3 Pelepasan cukai hanya diberikan untuk sumbangan wang tunai .
- 4.4 Semua derma/sumbangan hendaklah dibayar atas nama Bendahari UTM supaya resit rasmi UTM dapat disediakan mengikut nombor siri dan dicap dengan kenyataan khas pengecualian cukai seperti berikut :-

Dikecualikan dari Cukai Pendapatan Sub Seksyen 44 (6)  
Akta Cukai Pendapatan 1967 Ref. JHDN. 01/35/42/51/179-6.1840  
Warta Kerajaan 1379(25/4/74)

Bendahari UTM

- 4.5 Semua sumbangan kepada UTM yang diberikan pelepasan cukai Sub Seksyen 44(6), hendaklah didaftarkan di Pejabat Bendahari supaya laporan berkala dapat dikemukakan kepada pihak LHDN.

5. Sehubungan itu, penyerahan cek derma/sumbangan ke Pejabat Bendahari perlu disertakan dengan maklumat seperti di Lampiran I untuk memudahkan penyelenggaraan daftar pelepasan cukai Sub Seksyen 44(6) di Pejabat Bendahari.

6. Surat kelulusan pengecualian cukai pendapatan Sub Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 boleh diperoleh daripada Pejabat Bendahari dengan menyertakan maklumat seperti di Lampiran II.

7. Walaubagaimanapun, Penyelaras Program bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan program/aktiviti dan menyelenggara rekod-rekod berkaitan untuk tujuan auditan oleh pihak LHDN.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'

Yang benar,

  
MOHAMED BIN ABDULLAH  
Bendahari

LAMPIRAN I

PENYERAHAN CEK/WANG TUNAI KE PEJABAT BENDAHARI PERLU DISERTAKAN MAKLUMAT MENGIKUT FORMAT BERIKUT :

Nama Penderita (Individu/Syarikat)	No. Kad Pengenalan/ No. Syarikat	Alamat Penuh	Jumlah Derma	Tarikh Derma	Nama Program/Aktiviti diluluskan Sub Seksyen 44(6)

LAMPIRAN II

PERMOHONAN SURAT PENGECCUALIAN CUKAI SUB SEKSYEN 44(6)

Sila kemukakan maklumat berikut untuk mendapatkan surat kelulusan Pengecualian Cukai di Pejabat Bendahari.

1. Nama Persatuan/  
Fakulti/Jabatan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  
2. Alamat  : \_\_\_\_\_  
Persatuan/Fakulti/  
Jabatan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  
3. Nama & No. Telefon : \_\_\_\_\_  
Pegawai Program/  
Aktiviti \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  
4. Nama Program/  
Aktiviti : \_\_\_\_\_
  
5. Tempoh Kutipan : \_\_\_\_\_  
Penajaan



KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI,  
(DIRECTOR-GENERAL OF INLAND REVENUE)  
JABATAN HASIL DALAM NEGERI,  
(DEPARTMENT OF INLAND REVENUE)  
BLOK 11, TINGKAT 15,  
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,  
JALAN DUTA, 50600 KUALA LUMPUR,  
MALAYSIA

Telefon: 03-2540066/2547055  
Fax: 03-2543170/2543798

Ruj. Tuan: UTM.B/11.18/14 Jld.1 (76)

Ruj. Kami: JHDN.01/36/42/51/179-6.  
1840

Tarikh: 7.11.92

Bendahari,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
Karung Berkunci 791,  
80990 Johor Bahru,  
JOHOR DARUL TAKZIM.

(u.p: Puan Noor Rihan bt. Idris).

Puan,

Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 44(6)  
Akta Cukai Pendapatan 1967.

Dengan hormatnya, saya merujuk surat puan bertarikh 8 Oktober 1992 mengenai perkara di atas.

2. Sila maklum bahawa Jabatan telah memberi kelulusan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mulai dari 6 September 1973. Ini bermakna derma berbentuk wang tunai kepada UTM oleh penderma layak mendapat pelepasan cukai pendapatan.

3. Namun begitu, tiap-tiap resit yang dikeluarkan kepada penderma-penderma hendaklah dikeluarkan di atas nama Bendahari UTM dan di atas resit tersebut hendaklah dicatatkan bilangan dan tarikh Warta Kerajaan serta nombor rujukan JHDN.01/35/42/51/179-6.1840.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" CINTAILAH BAHASA KITA "

Saya yang menurut perintah,

( ROZINA BT. SHAIK OSMAN MERICAN )  
Unit 35, Bahagian Pentadbiran,  
b.p. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
MALAYSIA.

...2/-

s.k: Pejabat Pendaftaran,  
Unit Kemasukan Dan Rekod,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
Karung Berkunci 791,  
80990 Johor Bahru.

Ruj. Tuan: UTM.P(K)/26,12/01(59)

1. Surat puan bertarikh 7 Oktober 1992 dirujuk.
2. Sila maklum bahawa kelulusan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 tidak diberi kepada tajaan atau projek tertentu tetapi hanya kepada organisasi atau institusi.
3. Oleh kerana Projek PINTAR merupakan projek anjuran UTM, maka projek tersebut boleh dianggap sebagai salah satu daripada aktiviti Universiti. Oleh yang demikian, dengan sendirinya segala derma kepada projek tersebut adalah dikecualikan juga daripada cukai pendapatan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah digariskan.

/rhb.

Dikecualikan dari Cukai Pendapatan Seksyen 44(6)  
Akta Cukai Pendapatan 1967 Ref. JHDN. 01/26/42/51/  
179-6 (84) A. . . . . (1379/25/174)

Bendahara UTM

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
BLOK 9, TINGKAT 12,  
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN  
JALAN DUTA  
50600 KUALA LUMPUR

---

**GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN  
DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

1. Garispanduan ini untuk menerangkan jenis-jenis institusi, organisasi atau tabung yang pada umumnya layak dipertimbangkan untuk kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 dan cara/prosidur-prosidur yang terlibat dalam mengemukakan permohonan untuk kelulusan serta hal-hal lain yang berkaitan.
2. **Jenis-Jenis Institusi, Organisasi Atau Tabung Yang Boleh Memohon Untuk Kelulusan Di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967**

Institusi, organisasi atau tabung seperti berikut yang ditubuhkan di Malaysia dan bukan bertujuan untuk mencari keuntungan boleh dipertimbangkan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.1 **Institusi**

- 2.1.1 Sebuah hospital;
- 2.1.2 Sebuah institusi awam atau institusi amal;
- 2.1.3 Sebuah universiti atau lain-lain institusi pelajaran;
- 2.1.4 Pihak berkuasa awam atau persatuan yang menjalankan penyelidikan atau kegiatan yang berkaitan dengan mencari punca penyakit mencegah penyakit atau mengubati penyakit manusia;
- 2.1.5 Sebuah institusi yang dibantu oleh kerajaan yang terlibat dengan penyelidikan sosio-ekonomi; atau
- 2.1.6 Sebuah institusi latihan teknikal atau vokasional.

2.2 **Organisasi/Tabung**

- 2.2.1 Sebuah tabung awam atau swasta ditubuhkan khusus untuk-
  - 2.2.1.1 Pembinaan, pembesaran atau pembaikan sebuah institusi pelajaran di Malaysia tetapi tidak termasuk kompleks sukan, rekreasi, tempat letak kereta dan lain-lain; atau



- 2.2.1.2 Pemberian suatu biasiswa atau hadiah untuk individu bagi kerja-kerja pelajaran atau kerja-kerja penyelidikan dalam sebuah institusi di Malaysia;
- 2.2.2 Sebuah tabung awam yang ditubuhkan untuk meringankan kesusahan di kalangan warganegara Malaysia;
- 2.2.3 Sebuah tabung yang ditubuhkan khusus untuk pembinaan, pembaikan atau penyelenggaraan sesebuah bangunan di Malaysia yang akan digunakan semata-mata bagi maksud ibadat atau kemajuan agama;
- 2.2.4 Sebuah organisasi yang terlibat dalam atau berkaitan dengan pemeliharaan dan perlindungan binatang-binatang;
- 2.2.5 Sebuah organisasi yang ditubuhkan untuk menyelenggarakan atau membantu menyelenggarakan sebuah zoo, muzium, galeri seni atau usaha yang serupa atau yang terlibat dalam sesuatu berkaitan dengan promosi kebudayaan atau kesenian;
- 2.2.6 Sebuah organisasi yang dibantu oleh kerajaan yang terlibat semata-mata dalam mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan pembangunan industri dan komersial dan menggalakkan serta memperbaiki hubungan antara sektor awam dan sektor swasta;
- 2.2.7 Sebuah organisasi yang dibantu oleh kerajaan yang ditubuhkan dan diselenggarakan khas untuk mentadbir dan menambahkan suatu dana yang ditubuhkan atau diadakan semata-mata untuk menggalakkan perpaduan negara;
- 2.2.8 Sebuah organisasi yang ditubuhkan khusus untuk pemeliharaan atau perlindungan alam sekitar;
- 2.2.9 Organisasi antarabangsa yang menjalankan aktiviti amal yang ditentukan oleh Menteri Kewangan;
- 2.2.10 Organisasi yang khusus ditubuhkan bagi menjalankan projek komuniti ke arah pembudayaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang diluluskan oleh Menteri; dan
- 2.2.11 Tabung yang ditubuhkan atau akaun amanah bertujuan memberi bantuan kepada individu yang memerlukan rawatan perubatan bagi penyakit serius.

3. **Kriteria Untuk Kelulusan Di Bawah**  
**Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967**

### 3.1 Objektif

Organisasi mestilah ditubuhkan di Malaysia semata-mata bagi maksud amal/khairat.

### 3.2 Maksud Amal/Khairat

Secara umumnya, amal/khairat boleh dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu:-

- (i) Amanah untuk meringankan kemiskinan;
- (ii) Amanah untuk kemajuan pendidikan;
- (iii) Amanah untuk kemajuan keagamaan; dan
- (iv) Amanah untuk lain-lain tujuan yang memberi manfaat kepada masyarakat yang tidak termasuk di bawah mana-mana tajuk di atas.

### 3.3 Manfaat

- (i) Organisasi mestilah memberi khidmat atau manfaat kepada rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. Manfaat tidak boleh terhad kepada sesuatu kumpulan yang tertentu sahaja.
- (ii) Manfaat organisasi tidak boleh dinikmati oleh ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah serta ahli-ahli keluarga mereka dan staf organisasi. Mereka yang mempunyai kuasa dan kedudukan tidak boleh menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan mereka.

### 3.4 50% Perbelanjaan Dana

Organisasi mestilah membelanjakan pada tahun berikutnya sekurang-kurangnya 50% (atau peratus yang dipersetujui oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri) daripada pendapatan dan derma yang diterimanya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bagi mencapai objektif penubuhannya.

### 3.5 Lembaga Pemegang Amanah

Sekurang-kurangnya 50% daripada ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah mestilah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai kaitan dengan organisasi atau "founder".

### 3.6 Larangan

Organisasi tidak akan terlibat dalam sebarang kegiatan politik atau gerakan Kesatuan Sekerja dan tidak akan membenarkan kewangannya, ahli/staf dan premis/hartanya digunakan untuk tujuan-tujuan tersebut.

### 3.7 Penyata Kewangan

Penyata kewangan organisasi hendaklah diaudit oleh juruaudit bertauliah dan sesalinan penyata tersebut hendaklah dikemukakan tiap-tiap tahun kepada

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Ibu Pejabatnya. Penyata kewangan yang disatukan hendaklah dikemukakan oleh organisasi yang mempunyai cawangan/badan di bawah naungannya. Penyata yang disatukan tersebut hendaklah mengandungi semua pendapatan yang diterima termasuk derma dan perbelanjaan yang dibuat oleh badan induk dan cawangan-cawangannya.

### 3.8 Perniagaan

- (i) Organisasi dibenar melibatkan diri dalam perniagaan dengan syarat hanya menggunakan 25% daripada dana terkumpul pada hari pertama dalam sesuatu tahun taksiran itu. Semua pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan ini hendaklah dimasukkan semula ke dana yang berkenaan untuk digunakan bagi mencapai objektif organisasi dan/atau kerja-kerja amal yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- (ii) **Had Penggunaan 25% dana terkumpul tidak terpakai, jika**
  - (a) Perniagaan yang dijalankan adalah usaha untuk melaksanakan tujuan utama (khairat/amal) institusi badan amanah atau kumpulan orang yang ditubuhkan; atau
  - (b) Sebahagian besar kerja berhubung dengan perniagaan itu dijalankan oleh mereka yang mendapat manfaat institusi, badan amanah dan kumpulan orang yang tubuhkan itu.

#### Contoh;

Salah satu objektif Persatuan Orang Buta Malaysia ialah untuk mengajar dan menggalakkan ahli-ahlinya berdikari. Perniagaan membuat dan menjual barangan rotan oleh ahli-ahli Persatuan adalah satu aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh ahli-ahli yang menikmati manfaat daripada Persatuan tersebut.

Oleh itu, aktiviti perniagaan yang dijalankan tidak menjejaskan Persatuan sebagai institusi atau organisasi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6), walaupun ianya menggunakan kesemua dananya untuk menjalankan perniagaan.

### 3.9 Pindaan Dan Pertukaran Perlembagaan/Surat Ikatan Amanah Dan Tatawujud Serta Tataurusan

Sebarang pindaan/tambahan kepada perlembagaan, surat ikatan amanah atau tatawujud dan tataurusan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri terlebih dahulu sebelum ianya berkuatkuasa.

### 3.10. Pembubaran

- (i) Sekiranya organisasi dibubarkan, kesemua hutang dan tanggungan hendaklah dijelaskan dan baki aset dan wang jika ada hendaklah

didermakan kepada Kerajaan atau organisasi lain yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

- (ii) Pembubaran organisasi hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Malaysia.

### 3.11 Aktiviti Luar Negara

Organisasi dibolehkan menjalankan kerja-kerja khairat /amal di luar negara dengan syarat mendapat kebenaran Menteri Kewangan terlebih dahulu.

## 4. Pindaan Kepada Tatawujud Dan Tataurusan/Perlembagaan/Surat Ikatan Amanah

Jika pihak organisasi diminta membuat pindaan terhadap tatawujud dan tataurusan/perlembagaan/surat ikatan amanah sebelum pertimbangan lanjut dapat diberikan, pindaan tersebut perlu mendapat kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan. Setelah kelulusan diperolehi, kemukakan dokumen yang berikut untuk tindakan lanjut.

- (i) Salinan minit mesyuarat yang meluluskan pindaan yang berkenaan;
- (ii) Salinan surat kelulusan dari pihak yang berkuasa; dan
- (iii) Salinan Tatawujud dan Tataurusan/Perlembagaan/Surat Ikatan Amanah yang terkini yang merangkumi pindaan-pindaan yang dimaksudkan.

## 5. Orang Yang Boleh Mengemukakan Permohonan

Presiden atau Setiausaha sesebuah persatuan, yayasan, organisasi atau jawatankuasa pembinaan dan Guru Besar sesebuah sekolah bagi tabung pembinaan sekolah boleh mengemukakan permohonan untuk kelulusan.

## 6. Prosedur Dan Keperluan Untuk Permohonan

Tiada borang khas untuk mengemukakan permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali dalam kes tabung pembinaan sekolah di mana Lampiran A boleh didapati daripada Pejabat Pelajaran Negeri. Permohonan boleh dibuat melalui surat dengan maklumat-maklumat yang lengkap. Prosedur-prosedur dan keperluan-keperluan untuk permohonan adalah seperti berikut:-

### 6.1 Institusi atau Organisasi

Institusi atau organisasi hendaklah menyatakan dengan jelas objektif-objektifnya di dalam permohonan dan mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang berikut:-

#### 6.1.1 Sebuah Institusi/Organisasi Iaitu Sebuah Syarikat Menurut Jaminan

- 6.1.1.1 Sesalinan sijil pendaftaran dari Pendaftar Syarikat;
- 6.1.1.2 Sesalinan sijil yang dikeluarkan di bawah Seksyen 24(1), Akta Syarikat 1965;
- 6.1.1.3 Sesalinan tatawujud dan tatauuran;
- 6.1.1.4 Sesalinan borang 49 (maklumat lengkap Lembaga Pengarah/Lembaga Pemegang Amanah);
- 6.1.1.5 Penyata kewangan bagi dua tahun yang terakhir, jika berkenaan;
- 6.1.1.6 Senarai aktiviti yang telah dan akan dijalankan jika berkenaan; dan
- 6.1.1.7 Surat sokongan dari Jabatan/Kementerian yang berkenaan.

**6.1.2 Lain-lain Institusi Atau Organisasi**

- 6.1.2.1 Sesalinan sijil pendaftaran dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia;
- 6.1.2.2 Sesalinan Perlembagaan/Undang-Undang;
- 6.1.2.3 Satu senarai ahli-ahli jawatankuasa lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang di pegang dalam jawatankuasa;
- 6.1.2.4 Penyata kewangan bagi dua tahun yang terakhir, jika berkenaan;
- 6.1.2.5 Senarai aktiviti yang telah dan akan dijalankan jika berkenaan; dan
- 6.1.2.6 Surat sokongan dari Jabatan/Kementerian yang berkenaan.

**6.1.3 Tabung-Tabung Khas/Majlis dan lain-lain Organisasi Yang Ditubuhkan Di Bawah Suratikatan Amanah**

- 6.1.3.1 Sesalinan surat ikatan amanah yang telah disetem;
- 6.1.3.2 Satu senarai ahli-ahli Lembaga pemegang amanah lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang dalam Lembaga;
- 6.1.3.3 Penyata kewangan bagi dua tahun yang terakhir, jika berkenaan;
- 6.1.3.4 Senarai aktiviti yang telah dan akan dijalankan jika berkenaan; dan

6.1.3.5 Surat sokongan dari Jabatan/Kementerian yang berkenaan.

**6.1.4 Tabung Kebajikan Dan Pendidikan Yang Ditubuhkan Oleh Yayasan/Pertubuhan**

6.1.4.1 Penubuhan tabung amal ini hendaklah untuk pengembangan pendidikan dan mengurangkan kesusahan di kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan keturunan.

6.1.4.2 Dokumen berikut hendaklah disertakan bersama surat permohonan disamping dokumen-dokumen yang dinyatakan di perenggan 6.1.1/6.1.2/6.1.3 di atas bagi yayasan/pertubuhan yang berkenaan:

(a) Sesalinan resolusi/minit mesyuarat ahli jawatankuasa yayasan/pertubuhan.

(i) yang menubuhkan tabung tersebut;

(ii) yang melantik ahli jawatankuasa tabung; dan

(iii) yang meluluskan Undang-Undang Kecil tabung.

(b) Bagi tabung itu sendiri;

(i) Undang-Undang Kecil tabung. Ianya mestilah mengandungi di antara lain fasal-fasal berkenaan nama, alamat, tujuan-tujuan kawalan penggunaan kewangan, kira-kira audit, pelantikan dan tanggungjawab Lembaga Pentadbir/Jawatankuasa, pindaan kepada fasal-fasal dan pembubaran tabung;

(ii) Senarai lengkap ahli jawatankuasa tabung, nama, alamat, nombor kad pengenalan dan jenis pekerjaan;

(iii) Perancangan aktiviti untuk masa hadapan; dan

(iv) Surat sokongan daripada Kementerian Pelajaran/Kebajikan Masyarakat Kebajikan.

**6.1.5 Tabung Bagi Bantuan Kepada Individu Yang Memerlukan Bantuan Kewangan Bagi Penyakit Serius**

Sila rujuk garis panduan yang dikeluarkan khas bagi maksud ini. Garis panduan ini boleh didapati di mana-mana Cawangan Lembaga

Hasil Dalam Negeri dan juga melalui Laman Web LHDN:  
<http://www.hasilnet.org.my>.

## 6.2 Tabung Pembinaan

### 6.2.1 Tabung Pembinaan Sekolah

#### 6.2.1.1 Bagi Sekolah Bantuan Penuh Milik Kerajaan Dan Bukan Milik Kerajaan

Permohonan untuk kelulusan tabung pembinaan bagi sekolah di atas hendaklah dikemukakan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri melalui Jabatan Pelajaran Negeri. Satu salinan borang permohonan "Lampiran A" (yang boleh didapati dari Jabatan Pelajaran Negeri) hendaklah dipenuhi dan dikemukakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan kepada Jabatan Pelajaran Negeri.

Jabatan Pelajaran Negeri yang menyokong permohonan akan kemukakan permohonan tersebut terus kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

#### 6.2.1.2 Bagi Sekolah Swasta

Permohonan untuk kelulusan tabung pembinaan sekolah di atas hendaklah dikemukakan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri melalui Kementerian Pelajaran. Satu salinan borang permohonan 'Lampiran A' (yang boleh didapati dari Jabatan Pelajaran Negeri) hendaklah dipenuhi dan dikemukakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan kepada Jabatan Pelajaran Negeri.

Jabatan Pelajaran Negeri akan mengemukakan permohonan tersebut kepada Kementerian Pelajaran yang seterusnya akan mengemukakannya kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri sekiranya permohonan tersebut disokong.

Bagi tabung pembinaan sekolah agama, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Majlis Agama Islam Negeri masing-masing.

#### Perhatian:-

Adalah diingatkan bahawa jika permohonan bagi tabung pembinaan sekolah tidak disokong oleh pihak berkuasa yang berkenaan, permohonan tersebut tidak akan dipertimbangkan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

#### 6.2.2 Tabung Pembinaan Masjid, Surau, Tokong, Kuil Dan Gereja

Maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen berhubung dengan organisasi yang menubuhkan tabung pembinaan tersebut dan tabung pembinaan itu sendiri mesti dilengkapkan seperti berikut:-

#### 6.2.2.1

##### **Berhubung Dengan Organisasi Yang Menubuhkan Tabung Pembinaan**

- (i) Sesalinan sijil pendaftaran dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia;
- (ii) Sesalinan Perlembagaan, Undang-Undang Kecil atau Kaedah-Kaedah yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia; dan
- (iii) Satu senarai ahli-ahli jawatankuasa Pertubuhan yang lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa.

#### 6.2.2.2

##### **Berhubung Dengan Tabung Wang Pembinaan Itu Sendiri**

- (i) Ketetapan atau minit mesyuarat yang memutuskan penubuhan tabung pembinaan;
- (ii) Kaedah-Kaedah atau Undang-Undang Kecil tabung. Ianya mestilah mengandungi di antara lain fasal-fasal berkenaan nama, alamat, tujuan-tujuan kawalan pengurusan, kawalan penggunaan kewangan, kira-kira audit, syarat-syarat pembinaan, pindaan kepada fasal-fasal dan pembubaran Undang-Undang Kecil;
- (iii) Ketetapan atau minit mesyuarat yang meluluskan undang-undang kecil tabung;
- (iv) Senarai ahli-ahli jawatankuasa tabung pembinaan yang lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa tersebut;
- (v) Pelan bangunan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan;
- (vi) Pecahan anggaran perbelanjaan pembinaan bangunan tersebut dan surat pengesahan kos pembinaan daripada Arkitek bertauliah;
- (vii) Sekiranya derma telah mula dipungut dari orang ramai, nyatakan tarikh derma pertama mula dipungut dan juga jumlah yang telahpun dipungut sehingga tarikh permohonan;



- (viii) Jumlah bantuan wang Kerajaan atau mana-mana punca yang telah diterima atau dijanjikan jika ada; dan
- (ix) Surat sokongan atau surat pengesahan bahawa bangunan yang didirikan tersebut hanya digunakan untuk tujuan keagamaan dan ibadat semata-mata. Jika permohonan berkaitan dengan pembinaan masjid dan surau, surat sokongan hendaklah diperolehi dari Majlis Agama Islam Negeri.

7. **Pengemukakan Permohonan**

Semua permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 hendaklah dikemukakan kepada:-

Pengarah,  
Unit 35, Jabatan Teknikal,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri,  
Tingkat 12, Blok 9,  
Kompleks Bangunan Kerajaan Jalan Duta,  
Peti Surat 11833,  
50758 Kuala Lumpur.

8. **Keperluan-Keperluan Umum Dan Khas Bagi Institusi/Organisasi Atau Tabung Pembinaan Yang Telah Dituluskan**

8.1 **Keperluan Umum**

- 8.1.1 Semua sumbangan yang diterima hendaklah dikeluarkan resit rasmi mencatatkan dengan jelasnya:-
  - 8.1.1.1 Nama institusi/organisasi/tabung;
  - 8.1.1.2 Nombor siri resit rasmi;
  - 8.1.1.3 Rujukan kelulusan ini iaitu nombor rujukan fail;
  - 8.1.1.4 Tempoh kuatkuasa kelulusan;
  - 8.1.1.5 Nombor rujukan Warta Kerajaan.
- 8.1.2 Satu penyata kewangan yang telah diaudit oleh juruaudit awam yang bertauliah hendaklah dihantar dalam masa 6 bulan selepas akaun ditutup ke alamat seperti di perenggan 7 setiap tahun. Penyata kewangan yang disatukan hendaklah dikemukakan oleh organisasi yang mempunyai cawangan/badan di bawah naungannya. Penyata yang disatukan tersebut hendaklah mengandungi semua pendapatan yang diterima termasuk derma dan perbelanjaan yang dibuat oleh badan induk dan cawangan-cawangannya.
- 8.1.3 Apa-apa pindaan kepada Perlembagaan/Kaedah-Kaedah/Undang-Undang Kecil tidak boleh berkuatkuasa sehingga mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Malaysia.

## 8.2 Keperluan Khas

### 8.2.1 Institusi/Organisasi

Sekurang-kurangnya 50% (atau peratus yang dipersetujui oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri) daripada pendapatan dan derma yang diperolehi mestilah dibelanjakan setiap tahun untuk menjalankan objektif-objektif institusi/organisasi tersebut. Jika syarat ini gagal dipatuhi Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengambil tindakan untuk menarik balik kelulusan.

### 8.2.2 Tabung Pembinaan

8.2.2.1 Tabung Pembinaan ini hendaklah bertujuan hanya semata-mata untuk pembinaan bangunan yang di pohon.

8.2.2.2 Kesemua wang derma hendaklah dibelanjakan hanya untuk pembinaan bangunan yang dipohon. **Perbelanjaan bagi maksud pembelian perabot dan peralatan tidak dibenarkan.** Jika masih terdapat lebih wang derma tersebut hendaklah didermakan kepada badan-badan kebajikan yang mendapat taraf kelulusan pengecualian cukai pendapatan daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Malaysia.

8.2.2.3 Pembinaan hendaklah disiapkan dalam tempoh 3(tiga) tahun seperti yang dinyatakan dalam surat kelulusan atau tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri melalui permohonan.

8.2.2.4 Akaun-akaun yang berasingan hendaklah disediakan bagi tabung pembinaan dan dikemukakan setiap tahun ke alamat seperti di perenggan 7.

8.2.2.5 Satu laporan penyiapan projek hendaklah dihantar ke Jabatan Teknikal, Ibu Pejabat, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kuala Lumpur.

### 8.2.3 Tabung Lain Yang Bukan Tabung Pembinaan

Sesebuah organisasi yang telah diluluskan tabung biasiswanya atau tabung untuk meringankan kesusahan hendaklah menyelenggarakan akaun yang berasingan bagi tabung yang telah diluluskan tersebut.

## 9. Tolakan Dan Pelepasan Cukai

Jika sesebuah institusi, organisasi atau tabung itu diluluskan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, ianya akan menikmati tolakan dan pengecualian cukai seperti berikut:-

(i) **Tolakan Cukai**


Penderma-penderma yang menderma kepada sesebuah institusi, organisasi atau tabung yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 layak mendapat tolakan atas derma-derma mereka dalam pengiraan pendapatan agregat. Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa hanya derma-derma wang tunai yang disokong oleh resit-resit rasmi layak untuk tolakan. Derma-derma berupa barangan (misalnya makanan, pakaian, komputer, saham dan bahan binaan) tidak layak untuk tolakan cukai.

(ii) **Pengecualian Cukai**

Berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 2001, mana-mana organisasi atau institusi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 akan juga mendapat pengecualian cukai ke atas pendapatan (kecuali pendapatan dividen) di bawah perenggan 13, Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Unit 35, Jabatan Teknikal,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri,  
**MALAYSIA.**

Januari 2005



Sekretariat  
Pesta Konvokesyen UTM-42  
Kolej Tuanku Canselor  
UTM Skudai  
(u/p : Cik Nur Fatimah binti Raimi)

*Assalamualaikum wth. wbt.*

Saudara,

**KELULUSAN PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KEPADA PENDERMA  
DI BAWAH SUB SEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Program : Pesta Konvokesyen UTM Ke-42

Tempoh Penajaan : Februari-April 2009

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pengecualian cukai pendapatan boleh diberi kepada penderma-penderma di bawah Sub Seksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi sumbangan wang tunai yang diberikan kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia. Selaras dengan Akta tersebut, wang derma yang layak mendapat pengecualian cukai di bawah Sub Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah seperti berikut :

- 2.1 Amanah untuk kemajuan pendidikan
  - 2.1.1 Derma bagi menjalankan aktiviti pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan.
  - 2.1.2 Derma bagi maksud pembinaan, pembesaran atau pembaikan Universiti.
  - 2.1.3 Pemberian biasiswa untuk kerja-kerja penyelidikan.
- 2.2 Amanah untuk kemajuan keagamaan
  - 2.2.1 Penyelenggaraan dan pembaikan rumah ibadat (masjid).
- 2.3 Amanah yang memberi manfaat kepada masyarakat
  - 2.3.1 Aktiviti untuk kemajuan kebudayaan dan kesenian.
- 2.4 Amanah untuk meringankan kemiskinan

3. Semua derma/sumbangan hendaklah dibayar atas nama Bendahari UTM supaya resit rasmi UTM dapat disediakan mengikut nombor siri dan dicap dengan kenyataan khas pengecualian cukai seperti berikut :-

Dikecualikan dari Cukai Pendapatan Sub Seksyen 44 (6)  
Akta Cukai Pendapatan 1967 Ref. JHDN. 01/35/42/51/179-6. 1840  
Warta Kerajaan 1379(25/4/74)

Bendahari UTM

Pelepasan cukai hanya diberikan untuk sumbangan wang tunai (maksimum 10% daripada pendapatan aggregat syarikat). Sumbangan berupa barangan tidak layak untuk tolakan cukai.

4. Walau bagaimanapun, semua aktiviti UTM dan program anjuran persatuan-persatuan UTM perlu mendapatkan kelulusan pihak berkuasa Universiti.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'**



Yang benar,

**BEBE BINTI ABU BAKAR**  
b/p Bendahari  
Tel. : 07-5530256

LAMPIRAN I

**PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI SUB SEKSYEN 44(6)**

Sila kemukakan maklumat berikut untuk mendapatkan surat kelulusan Pengecualian Cukai di Pejabat Bendahari.

1. Nama Persatuan : Sekretariat Pesta Konvokesyen UTM-42  
Anjuran Kolej Tuanku Canselor
  
2. Alamat  : Kolej Tuanku Canselor  
UTM Skudai
  
3. No. Telefon  Pegawai Program : Nur Fatimah binti Raimi (Ketua Unit Penajaan)  
h/p : 019-3635306
  
4. Nama Program : Pesta Konvokesyen UTM Ke-42
  
5. Tempoh Kutipan Penajaan : Februari-April 2009